

Sinar Harian
Isnin 12/3/18
m/s 20

Mains tawar khidmat kaunseling

KUALA PILAH - Pusat kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) cawangan Kuala Pilah telah ditubuhkan pada 2009, namun masih ada yang belum ketahui kewujudannya.

Kaunselor Pusat Kaunseling Kuala Pilah, Mohd Hasni Zulkifli berkata, masyarakat setempat mungkin terlepas pandang akan kewujudan pusat kaunseling di sini.

"Tujuan penubuhannya bagi menangani permasalahan sosial dengan memberikan perkhidmatan kaunseling profesional secara percuma dan terbuka kepada semua kaum tanpa batasan agama.

"Bagaimanapun, saya berharap penganjuran bersama

Ibu Pejabat Polis daerah (IPD) Kuala Pilah dapat mempromosikan pusat ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada program sepetang bersama pemimpin komuniti Dun Pilah di IPD Kuala Pilah.

Katanya, peranan pusat kaunseling bukan sahaja membantu dan menawarkan perkhidmatan kepada golongan bermasalah, tetapi turut menyampaikan ceramah berkaitan isu semasa.

"Isu semasa ini meluas dan pastinya ia berkaitan kerjaya kaunselor dalam memberi pandangan kepada mereka bermasalah seperti di sekolah, hal rumah tangga, anak remaja dan pelbagai lagi," katanya.